

15 MAY 1996

MAHATHIR BERUCAP DI PERSIDANGAN PERNIAGAAN AMERIKA SYARIKAT

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi ucapan di dua persidangan penting, menemui ketua perniagaan terkemuka dan akan menggalakkan peluang perniagaan dan pelaburan, di San Francisco dan Washington, DC, mulai 17 hingga 21 Mei nanti.

Di San Francisco, beliau akan mengetuai dialog perniagaan Malaysia-AS yang akan memberikan tumpuan kepada teknologi tinggi, pasaran modal, pembangunan prasarana dan menggalakkan pelaburan syarikat Amerika Syarikat ke Malaysia.

Forum tersebut: "Kemakmuran bersama ke Arah Asia Pasifik," adalah dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (Malaysia), dan Majlis Perniagaan California Asia Tenggara.

Ahli perniagaan Malaysia yang terkemuka yang akan berucap pada persidangan sehari itu termasuklah Pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Eksekutif Sapura Holdings Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, dan Pengerusi Eksekutif Renong Berhad Tan Sri Halim Saad.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan juga berucap mengenai peluang pelaburan teknologi tinggi di Malaysia pada persidangan itu.

Penceramah yang lain termasuklah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail; bekas Seriausaha Negara Amerika Syarikat George Shultz; dan bekas Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Clifton Wharton.

Di Washington, Dr Mahathir akan memberikan ucapan berkaitan "Debat Nilai-nilai Asia" di mesyuarat agung antarabangsa ke-29 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC), yang akan dibuka dengan rasmi oleh Presiden Bill Clinton pada hari Isnin.

Pengarah Perhubungan Media PBEC Greg Stanko menyatakan Selasa lepas mesyuarat tahun ini yang bertemakan: "Melangkaui Retorik: Pelaksanaan Perdagangan Bebas dan Pelaburan di Rantau Pasifik," akan membincangkan beberapa garis panduan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan masing-masing bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan di rantau ini. -- BERNAMA

SAL RIF SIA